

# A\*Star, NUS dan 3 firma sejagat berpadu lancar program inovasi farmaseutikal

SEKTOR perkilangan farmaseutikal di Singapura dijangka meraih manfaat daripada kerjasama industri dengan pelancaran Program Inovasi Farma Singapura (Pips).

Skim pembangunan industri itu dimulakan oleh Agensi bagi Sains, Teknologi dan Penyelidikan (A\*Star) dengan kerjasama Universiti Nasional Singapura (NUS).

Syarikat gergasi farmaseutikal GlaxoSmithKline, MSD International dan Pfizer Asia Pacific menyertai program itu selaku anggota perintis.

Program tersebut akan memberi tumpuan pada bidang seperti pengila-

ngan berterusan, bio-pemungkinan, proses teknologi analitik dan kawalan proses lanjutan.

Pelaburan dalam sektor farmaseutikal dibuat menyusuli pelan lima tahun pemerintah – Pelan Penyelidikan, Inovasi dan Perusahaan 2020 – yang memberi komitmen pelaburan \$3.2 bilion dalam kejuruteraan dan pengilangan lanjutan.

Berucap di majlis pelancaran itu, Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Industri), Encik S. Iswaran, berkata:

“Pips akan menghimpunkan keupayaan penyelidikan sektor awam Sin-

gapura dan kepakaran pemain utama dalam industri farma bagi membaiki dan mengubah operasi pengilangan serta teknologi dalam industri.”

Kerjasama adalah penting dalam membina Singapura sebagai ketua global dalam pengilangan, kata beliau.

“Memandangkan masa depan perkilangan bersifat rumit dan dinamik, adalah penting kita memperkuuh kerjasama dalam sistem eko perkilangan tempatan agar dapat mengumpul sumber, berkongsi risiko dan meningkatkan kadar pelaksanaan.”

Tetapi Encik Iswaran menambah bahawa pelaburan dalam pekerja juga

merupakan dasar strategik bagi sektor perkilangan dan sektor sokongan lain, seperti logistik.

“Penekanan Singapura pada pembangunan bakat dan latihan adalah penting dalam kejayaan sektor perkilangan dan syarikat kita, serta mengukuhkan usaha pembangunan inovasi dan teknologi kita,” ujar beliau.

Ucapan Encik Iswaran itu juga membuka tirai Sidang Masa Depan Perkilangan@Singapura, acara utama bagi siri acara dua minggu tentang membangunkan dan mengekalkan keupayaan industri Singapura anjuran A\*Star.